

CONTEMPORARY COMMUNICATION GAZETTE

OFFSTONE

June 2025 Edition | Faculty of Leadership and Management

**KRISIS KOMUNIKASI
DALAM ERA DIGITAL:
CABARAN DAN STRATEGI
BERTERASKAN ISLAM**

**COMMON CHALLENGES IN
CRISIS COMMUNICATION:
LESSONS IN PREPAREDNESS
AND RESPONSE**



CHIEF EDITOR'S NOTE

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and warm greetings,

We are pleased to present the June 2025 edition of Offstone: Contemporary Communication Gazette, an academic e-magazine produced by the Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). This issue carries the overarching theme **Communication Crisis in the Digital Era**, a timely and pressing topic that resonates across media landscapes, cultural boundaries, and ideological terrains.

This edition features eight articles in Bahasa Melayu and nine in English, offering a rich multilingual platform that reflects the diversity and inclusiveness of the USIM scholarly community. The articles presented explore various dimensions of communication breakdowns, misinformation, digital dissonance, media ethics, and crisis framing from both conventional and Islamic perspectives.

In light of the rapid evolution of communication technologies and the rise of information disorder, this edition calls for a critical rethinking of how communication is practiced, interpreted, and governed, especially within Muslim societies. Contributors include academicians, student researchers, and media practitioners who offer theoretical reflections, empirical findings, and personal insights into the challenges and responsibilities faced by communicators today.

As editors, we believe this edition will spark meaningful discourse and further academic engagement on how communication, when misused or neglected, can escalate into crises that undermine trust, truth, and social harmony. At the same time, we highlight the potential of Islamic communication ethics to offer balanced, principled, and restorative alternatives to modern communication dilemmas.

We express our sincere appreciation to all writers, reviewers, and production team members whose commitment made this publication possible. May Offstone continue to serve as a dynamic platform for knowledge exchange, critical thought, and the advancement of Islamic communication scholarship.

Wassalam.

Dr. Siti Suriani Othman

Chief Editor

OFFSTONE BULLETIN EDITORIAL ADVISORY BOARD

ADVISOR

Prof. Madya Dr. Mohd. Rushdan Mohd. Jailani

INTERNATIONAL ADVISORY BOARD MEMBERS

Prof. Dr. Faridah Ibrahim
Profesor/Dean
Art, Communication and Education Faculty,
Infrastructure University Kuala Lumpur, Malaysia

Prof. H. Andi Faisal Bakti
Professor
Faculty of Da'wah and Communication Studies,
UIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Indonesia

Prof. Dr. Deddy Mulyana
Professor
Faculty of Communication Studies,
Universitas Padjajaran, Indonesia

Prof. Dr. Md Sidin Ahmad Ishak
Professor
Department of Communication,
University of Malaya, Malaysia

Dr. Hamdani M. Syam
Senior Lecturer
Department of Communication,
Universitas Syiah Kuala, Indonesia

OFFSTONE BULLETIN EDITORIAL BOARD

Chief Editor

Dr. Siti Suriani Othman

Managing Editor

Dr. Eizan Azira Mat Sharif

Bahasa Melayu Editor

Dr. Rosninawati Hussin

Dr. Kartini Kamaruzzaman

Muhammad Zaki Mustafa

English Editor

Associate Professor Dr. Osama Kanaker

Dr. Safiyyah Ahmad Sabri

Dr. Rosidayu Sabran

Dr. Ihab Ahmed Awais

Dr. Sofia Hayati Yusoff

Designer

Al Imran Azmi

CONTENTS

Chief Editor's Note	i
Offstone Bulletin Editorial Advisory Board	ii
Offstone Bulletin Editorial Board	iii

OFFSTONE ARTICLES (BAHASA MELAYU)

Krisis Komunikasi Dalam Era Digital: Cabaran dan Strategi Berteraskan Islam Oleh: Dr. Kartini Kamaruzzaman, Dr. Norsimaa Mustaffa, Prof. Madya Dr. Khairunneezam Mohd Noor & Dr. Safiyyah Ahmad Sabri	6-9
Krisis Komunikasi di Era Digital: Perspektif Islam dan Keusahawanan Oleh: Dr. Mohammad Noorizzuddin Nooh	10-13
Bagai Beliong dengan Asahan "Bahasa Arab dan Al-Quran Berpisah Tiada" Peranan, Hubungan dan Implikasi Terhadap Masyarakat Muslim di Malaysia Oleh: Dr. Yuslina Mohamed	14-17
Bicara Warisan: Komunikasi Keluarga dalam Pemilihan CEO Perniagaan Keluarga Melayu Oleh: Dr. Nadiyah Mahmad Nasir, Profesor Dr. Khairul Akmaliah Adham, Dr. Nur Qamarina Sharom & Dr. Anita Ismail	18-21
Dopamin dan FOMO: Perangkap Digital Ketagihan Media Sosial Oleh: Fazirawatie Sarudin & Rahmahtunnisah Sailin	22-25
Kesan Media Sosial Terhadap Kemasukan Pelajar ke Universiti Oleh: Nur Hafizah binti Hadi & Rahmhtunnisah binti Sailin	26-28
Mahasiswa & Literasi Digital: Antara Cabaran dan Peluang Oleh: Saidatul Khatijah Ismail & Rahmahtunnisah Sailin	29-32
Ideologi Feminis dalam Media Massa Merubah Peranan Bapa Dalam Rumahtanggan Oleh: Dr. Amani & Dr Umi Hamidaton	33-37
<i>Parental Technoference</i> dan Kesannya Terhadap Interaksi Ibu Bapa - Anak	38-41

OFFSTONE ARTICLES (ENGLISH)

Common Challenges in Crisis Communication: Lessons in Preparedness and Response By: Dr. Eizan Azira Mat Sharif	42-44
Connected but Misunderstood: The Communication Crisis in the Digital Age By: Dr. Norsimaa Mustaffa, Dr. Kartini Kamaruzzaman, Dr. Safiyyah Ahmad Sabri & Assoc. Prof. Dr. Khairunneezam Mohd Noor	45-48
Brigding The Digital Communication Gap: Navigating AI in Education and The Second Digital Divide	49-52

By: Prof. Dr. Rozhan Mohammed Idrus

Is Honesty Dead Online? The Ethics Crisis in Digital Discourse Amid The 2023 Gaza War 53-55

By: Dr. Ihab Awais

Crisis Communication: Speed, AI, and Staying True to Our Values 56-59

By: Dr. Siti Zanariah Yusoff

Uncertainty in Crisis Management: Leading Through the Unknown 60-63

By: Dr. Eizan Azira Binti Mat Sharif & Dr. Safiyyah Ahmad Sabri

From Crisis to Clarity: Embracing Adab in Digital Communication 64-67

By: Dr. Safiyyah Ahmad Sabri, Dr. Norsimaa Mustaffa, Dr. Kartini Kamaruzzaman, Assoc. Prof. Dr. Norhayati Rafida Abdul Rahim & Noor Adzrah Ramle

Silent Signals: The Hidden Challenges of Workplace Communication 68-71

By: Dr. Safiyyah Ahmad Sabri, Dr. Muhammad Raqib Mohd Sofian, Muhamad Zaki Mustafa, Assoc. Prof. Dr. Khairunneezam Mohd Noor & Dr. Eizan Azira Mat Sharif

Misinformation and Myths About Orthodontic Treatment on Social Media 72-75

By: Dr. Iman Azmuddin, Assoc. Prof. Dr. Azrul Hafiz Abdul Aziz & Dr. Diana Md Zahid

KRISIS KOMUNIKASI DALAM ERA DIGITAL: CABARAN DAN STRATEGI BERTERASKAN ISLAM

Oleh:



Dr. Kartini Kamaruzzaman, Dr. Norsimaa Mustaffa, Prof. Madya Dr. Khairunneezam Mohd Noor, & Dr. Safiyyah Ahmad Sabri

kartinikamaruzzaman@usim.edu.my

Penulis pertama adalah pensyarah kanan, program Komunikasi Media Baharu, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Beliau mendapat pendidikan doktor falsafah di University of Leicester, United Kingdom (UK) dan kajian beliau adalah berkaitan aktivisme digital serta Islam dan media baharu.

ABSTRACT

The failure of internal and external communication in the digital era directly impacts an organization's reputation, trust, and effectiveness. This article discusses the challenges of organizational communication in the context of new media technologies and highlights Islamic principles as a foundation for strengthening ethical and practical communication practices.

Pengenalan

Dalam era digital, komunikasi bukan sahaja menjadi tulang belakang operasi organisasi, malah penentu kejayaan dan reputasi sesebuah institusi. Namun, apabila komunikasi dalaman dan luaran tidak dilaksanakan dengan berkesan, ia boleh mengundang pelbagai kesan negatif, termasuk kehilangan kepercayaan, konflik dalaman, dan keruntuhan reputasi organisasi. Tambahan pula, kemunculan teknologi media baharu yang mempercepatkan penyebaran maklumat, organisasi kini lebih terdedah kepada risiko krisis komunikasi yang

boleh merebak secara meluas dalam tempoh yang singkat. Oleh itu, memahami kesan krisis komunikasi dan membina strategi bersepadu yang disandarkan pada nilai Islam amat penting dalam memastikan kelestarian sesebuah organisasi.

Kesan Negatif Komunikasi Tidak Berkesan

Komunikasi dalaman dan luaran yang tidak berkesan boleh memberikan impak negatif secara langsung atau tidak langsung terhadap pekerja dan organisasi. Antara kesan utama termasuk gangguan terhadap reputasi organisasi, ketidakpuasan dalam kalangan pekerja atau pemegang taruh, kehilangan kepercayaan daripada pelanggan atau rakan sekerja, peningkatan konflik, serta pembaziran masa dan sumber. Komunikasi yang tidak jelas atau tidak konsisten sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pekerja, menyebabkan mereka berasa kurang yakin terhadap hala tuju organisasi.

Lebih membimbangkan, kesilapan dalam komunikasi luaran boleh menyebabkan kehilangan pelanggan atau pemegang taruh yang mempunyai kepentingan pada organisasi. Kepercayaan yang terhakis sukar dipulihkan, sekaligus menjejaskan imej jangka panjang organisasi. Selain itu, komunikasi yang tidak jelas sering menyebabkan ketidaksefahaman dan konflik. Ketidaktekayaan maklumat menyebabkan individu berasa tidak dihargai dan terpinggir, sekaligus menjejaskan motivasi dan kepuasan kerja mereka. Dari sudut pengurusan pula, komunikasi yang tidak efektif juga boleh menyebabkan individu sukar membuat keputusan. Individu yang tidak menerima maklumat yang tepat akan mengalami kesukaran membuat arahan yang jelas dan konsisten. Hal ini turut memberi kesan kepada operasi organisasi seperti kelewatan proses, kekurangan tenaga kerja, dan penyusutan hasil kerja. Reputasi organisasi turut terancam sekiranya berlaku kebocoran maklumat dalaman atau penyebaran maklumat tidak sah melalui media sosial.

Etika dan Nilai-Nilai Islam Dalam Pengurusan Krisis Komunikasi

Dalam konteks sebuah organisasi Islam atau yang beroperasi dalam lingkungan nilai-nilai Islam, pemerkasaan prinsip dan nilai Islam dalam dasar komunikasi amat penting. Ini termasuklah memastikan bahawa setiap mesej yang disampaikan sentiasa berada dalam kerangka etika, berlandaskan tanggungjawab sosial, menepati prinsip kejujuran, amanah serta adil sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Pemilihan saluran komunikasi yang bersesuaian juga memainkan peranan penting dalam memastikan mesej diterima dengan tepat dan berkesan, bergantung kepada keperluan serta latar khalayak sasaran.

Mengurus krisis komunikasi dalam era digital tidak hanya terletak pada bahu organisasi secara struktural, bahkan menuntut peranan aktif setiap individu yang terlibat dalam ekosistem komunikasi organisasi tersebut. Individu perlulah berusaha secara berterusan untuk mengesan potensi masalah, mengelakkan salah faham dan membina

budaya komunikasi yang telus dan bertanggungjawab. Setiap individu juga perlu mengambil tanggungjawab terhadap peranan komunikasi masing-masing. Sebagai contoh, seorang pegawai dalam sesebuah organisasi tidak boleh hanya menyerahkan semua urusan komunikasi kepada jabatannya semata-mata. Setiap individu perlu memahami bahawa mereka adalah duta kepada organisasi tersebut, terutamanya apabila berinteraksi bersama rakan sekerja mahupun di dalam platform awam. Tingkah laku yang ditunjukkan dan kenyataan yang diluahkan boleh memberi kesan kepada reputasi individu tersebut mahupun organisasi secara keseluruhan.

Dalam hal ini, nilai-nilai Islam seperti hikmah (kebijaksanaan), amanah (kepercayaan), dan kejujuran sangat relevan bagi membimbing perilaku komunikasi yang profesional dan berintegriti. Seterusnya, dalam menghadapi krisis, individu perlu bertindak pantas dan bijak menangani salah faham atau isu yang timbul. Sikap tidak mengendahkan atau menafikan kesilapan boleh mengeruhkan keadaan. Individu yang proaktif akan segera berkomunikasi dengan pihak yang terlibat, memohon maaf sekiranya perlu, dan memberikan penjelasan dengan jelas. Melalui pelaksanaan strategi-strategi ini, organisasi dan individu akan lebih bersedia menghadapi cabaran komunikasi dan meminimumkan risiko kestabilan operasi dan reputasi mereka.

Islam sangat menekankan prinsip komunikasi yang berlandaskan kejujuran (al-sidq), keterbukaan (amanah) dan hikmah dalam menyampaikan mesej. Firman Allah dalam Surah Al-Hujurat, ayat ke-6 menyatakan: *"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang fasik membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti."* Ayat ini menegaskan keperluan untuk menyemak kesahihan maklumat sebelum ia disebarkan. Dalam konteks organisasi, ia menuntut ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam setiap komunikasi dalaman dan luaran, serta keperluan berhati-hati agar tidak menimbulkan fitnah atau salah faham. Tambahan pula, prinsip syura atau musyawarah dalam membuat keputusan organisasi menekankan komunikasi dua hala yang inklusif dan penuh hikmah. Pengurusan yang tidak mengamalkan komunikasi dua hala yang adil dan menyeluruh bertentangan dengan semangat syura yang digariskan dalam Islam. Seperti mana yang disebutkan di dalam Surah Ali 'Imran, ayat 159 "Dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu."

Penutup

Krisis komunikasi dalam era digital bukan sahaja merupakan ancaman kepada kelangsungan organisasi, tetapi juga mencabar nilai kepercayaan dan integriti dalam pengurusan maklumat dan komunikasi. Organisasi perlu lebih bersedia dengan membina sistem komunikasi yang cekap, beretika dan berlandaskan prinsip Islam. Dengan strategi bersepadu serta pemerkasaan nilai-nilai murni seperti amanah, kejujuran dan tanggungjawab, organisasi dan

individu dalam organisasi bukan sahaja mampu menghadapi krisis, bahkan dapat membina semula keyakinan dan reputasi di mata masyarakat. Komunikasi yang efektif bukan sekadar teknik, tetapi juga mencerminkan akhlak dan nilai individu serta organisasi secara menyeluruh.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

Mohd Yusof, S. H., & Ghazali, S. (2020). Islamic communication ethics in digital media: The role of Muslims in navigating online information. *Journal of Media and Information Warfare*, 13(1), 57–72.

Sharma, S., Singh, G., & Sharma, R. (2021). Digital transformation and communication effectiveness in public sector: Evidence from social media usage. *Government Information Quarterly*, 38(4), 101600. <https://doi.org/10.1016/j.giq.2021.101600>

Yujie, C., Lihua, C., & Zhilin, Y. (2021). Social media technologies and crisis communication: A review. *Journal of Contingencies and Crisis Management*, 29(2), 122–134.

KRISIS KOMUNIKASI DI ERA DIGITAL: PERSPEKTIF ISLAM DAN KEUSAHAWANAN

Oleh:



Dr. Mohammad Noorizzuddin Nooh

noorizzuddin@usim.edu.my

Dr. Mohammad Noorizzuddin Nooh merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia. Bidang tujahan beliau adalah penjenamaan, etika pemasaran, model perniagaan, pengurusan krisis dan keusahawanan. Beliau adalah pemegang ijazah Doctor in Business Management dari IPE Management School, Paris of Pole Paris Alternance (PPA).

ABSTRACT

This article examines the communication crisis in the digital era, highlighting the transformative impact of social media and the spread of misinformation. It discusses the ethical implications from an Islamic perspective, emphasizing honesty in communication. Furthermore, it explores the role of entrepreneurship in addressing these challenges through education, transparency, and community building, ultimately advocating for a harmonious and ethical society.

Pengenalan

Dalam era digital yang serba canggih ini, komunikasi telah mengalami transformasi yang ketara. Dengan kemunculan media sosial dan platform digital, cara kita berinteraksi dan menyampaikan maklumat telah berubah secara drastik. Namun, perubahan ini juga membawa kepada pelbagai cabaran, termasuk krisis komunikasi yang boleh memberi kesan negatif kepada individu, organisasi, dan masyarakat secara keseluruhan. Artikel ini akan membincangkan krisis komunikasi di era digital, mengaitkannya dengan perspektif Islam dan elemen keusahawanan.

Krisis komunikasi merujuk kepada situasi di mana maklumat yang salah, tidak tepat, atau tidak lengkap disebarkan, menyebabkan kekeliruan dan ketidakpastian di kalangan orang ramai. Dalam konteks digital, krisis ini sering kali berlaku melalui media sosial, di mana berita palsu dan maklumat yang tidak disahkan boleh tersebar dengan cepat. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan reputasi individu atau organisasi, tetapi juga boleh mencetuskan panik dan ketidakstabilan dalam masyarakat.

Terdapat beberapa punca utama yang menyumbang kepada krisis komunikasi di era digital. Pertama, penyebaran berita palsu menjadi salah satu faktor utama. Media sosial membolehkan sesiapa sahaja untuk menyebarkan maklumat tanpa sebarang pengesahan, menyebabkan berita palsu dan maklumat yang tidak tepat mudah tersebar. Kedua, kurangnya etika dalam komunikasi juga memainkan peranan. Dalam dunia digital, etika komunikasi sering diabaikan, dan pengguna mungkin tidak memikirkan kesan daripada apa yang mereka kongsikan, yang boleh menyebabkan salah faham dan konflik.

Ketiga, kekurangan literasi media di kalangan pengguna menjadi isu yang perlu ditangani. Ramai pengguna tidak mempunyai kemahiran untuk menilai kesahihan maklumat yang mereka terima, menjadikan mereka lebih terdedah kepada maklumat yang salah dan manipulatif. Akhir sekali, krisis identiti di dunia digital turut menyumbang kepada masalah ini. Individu sering kali berhadapan dengan tekanan untuk menampilkan diri mereka dengan cara tertentu, yang boleh menyebabkan mereka menyebarkan maklumat yang tidak tepat untuk menjaga imej mereka.

Perspektif Islam dalam Krisis Komunikasi

Dalam Islam, komunikasi yang baik adalah satu aspek penting dalam membina masyarakat yang harmoni. Al-Quran mengajar kita tentang pentingnya berkata benar dan menyebarkan maklumat yang sahih. Dalam Surah Al-Hujurat, Allah menekankan bahawa kita harus berhati-hati dalam menerima berita dan tidak menyebarkan sesuatu yang kita tidak pasti kebenarannya. Ini menunjukkan bahawa etika komunikasi adalah sangat penting dalam Islam.

Krisis komunikasi yang berlaku di era digital boleh dilihat sebagai satu cabaran untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam interaksi kita. Sebagai contoh, dalam konteks keusahawanan, usahawan Muslim perlu memastikan bahawa mereka menyampaikan maklumat yang tepat dan jujur kepada pelanggan mereka. Ini bukan sahaja akan membina kepercayaan tetapi juga akan membantu dalam membentuk reputasi yang baik untuk perniagaan mereka.

Peranan Keusahawanan dalam Mengatasi Krisis Komunikasi

Keusahawanan memainkan peranan penting dalam mengatasi krisis komunikasi di era digital. Usahawan yang bijak dapat memanfaatkan teknologi untuk menyampaikan maklumat

yang tepat dan membina hubungan yang baik dengan pelanggan mereka. Terdapat beberapa cara bagaimana keusahawanan dapat membantu. Pertama, pendidikan dan kesedaran adalah kunci. Usahawan boleh mengambil inisiatif untuk mendidik pelanggan mereka tentang cara mengenali berita palsu dan maklumat yang tidak tepat. Ini boleh dilakukan melalui kempen pemasaran yang berfokus pada literasi media.

Kedua, transparensi dalam komunikasi adalah penting. Usahawan perlu memastikan bahawa mereka berkomunikasi dengan jelas dan terbuka. Ini termasuk memberikan maklumat yang tepat tentang produk dan perkhidmatan mereka, serta menjawab sebarang pertanyaan atau kebimbangan daripada pelanggan. Ketiga, menggunakan platform digital secara bijak adalah langkah yang perlu diambil. Usahawan harus memanfaatkan platform digital untuk menyebarkan maklumat yang sahih dan membina komuniti yang positif. Dengan menggunakan media sosial secara bijak, mereka dapat mengurangkan penyebaran maklumat yang salah.

Akhirnya, membangun hubungan yang baik dengan pelanggan juga adalah satu langkah penting. Usahawan perlu membina hubungan yang baik dengan pelanggan mereka. Dengan mendengar maklum balas dan mengambil tindakan yang sesuai, mereka dapat mengurangkan risiko krisis komunikasi. Walaupun terdapat pelbagai cara untuk mengatasi krisis komunikasi, terdapat juga cabaran yang perlu dihadapi. Salah satu cabaran utama adalah sikap skeptikal masyarakat terhadap maklumat yang disampaikan. Dalam dunia yang penuh dengan berita palsu, pengguna mungkin sukar untuk mempercayai maklumat yang datang daripada sumber yang sahih. Selain itu, kecepatan penyebaran maklumat di media sosial juga menjadi cabaran. Dalam beberapa minit, maklumat yang salah boleh tersebar ke seluruh dunia, menjadikannya sukar untuk membetulkan kesilapan tersebut. Oleh itu, usahawan perlu bersedia untuk bertindak dengan cepat dan berkesan apabila berhadapan dengan krisis komunikasi.

Penutup

Krisis komunikasi di era digital adalah satu cabaran yang memerlukan perhatian serius. Dengan penyebaran berita palsu dan kurangnya etika dalam komunikasi, individu dan organisasi perlu mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah ini. Dalam konteks Islam, nilai-nilai komunikasi yang baik perlu diterapkan dalam setiap interaksi. Usahawan, sebagai pemimpin dalam masyarakat, mempunyai tanggung jawab untuk menyampaikan maklumat yang tepat dan membina kepercayaan dengan pelanggan mereka. Dengan menggabungkan prinsip-prinsip Islam dan elemen keusahawanan, kita dapat mengatasi krisis komunikasi dan membina masyarakat yang lebih harmoni dan beretika.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an.

Hamid, S. A. (2016). *Pengaruh media massa terhadap perubahan sosial masyarakat. e-BANGI*, 11, 214-226.

Marwah, N. (2021). *Etika Komunikasi Islam. Al-Din: Jurnal Dakwah dan Sosial Keagamaan*, 7(1).

Pattinson, S., & Cunningham, J. A. (2022). *Entrepreneurship in times of crisis. The International Journal of Entrepreneurship and Innovation*, 23(2), 71-74.

Setiawan, T., Kurniawati, Y., & Saputro, E. (2019). *Komunikasi krisis di era digital. Jurnal Ekonomi, Sosial & Humaniora*, 1(02), 50-61.

BAGAI BELIUNG DENGAN ASAHAN “BAHASA ARAB DAN ALQURAN BERPISAH TIADA”: PERANAN, HUBUNGAN DAN IMPLIKASI TERDAHAP MASYARAKAT MUSLIM DI MALAYSIA

Oleh:



Dr. Yuslina Mohamed

yuslina@usim.edu.my

Dr. Yuslina Mohamed merupakan pensyarah akademik di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), USIM dalam bidang ‘*Arabic Applied Linguistic*’ dan pengajaran Bahasa Arab. Beliau merupakan *fellow* penyelidik di *Oxford Centre for Islamic Studies, University of Oxford, England*. Berpengalaman mengajar Bahasa Arab lebih 25 tahun dan bergiat aktif dalam bidang akademik dan penyelidikan.

ABSTRACT

The Quran and the Arabic language are closely interconnected. A limited understanding of the Quran often indicates a lack of proficiency in Arabic. This article explores the relationship between Arabic and the Quran, highlighting the importance of Arabic skills through descriptive analysis methods. The findings demonstrate a strong correlation between proficiency in Arabic and the ability to comprehend the Quran.

Pengenalan

Al-Quran merupakan kitab panduan umat Islam yang diturunkan Allah SWT dalam bahasa Arab yang menjadi sumber rujukan hukum, pedoman hidup, dan petunjuk bagi manusia. Pemahaman yang mendalam dan penghayatan terhadap al-Quran amat dituntut kepada setiap muslim. Namun, untuk memahaminya secara tepat, maka, wajiblah mempelajari bahasa Arab dan retorik al-Quran (*Bayan Qurani*). Di Malaysia, meskipun majoriti penduduk Malaysia beragama Islam tetapi hanya 50% memiliki al-Quran, 5% membaca al-Quran dan

1% sahaja yang merujuk terjemahan atau tafsir al-Quran. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa nisbah yang sangat kecil iaitu 1% dari populasi muslim di Malaysia yang benar-benar memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran. Sementara tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan masyarakat masih sangat rendah memandangkan kurang dari 1% yang memahami dan menghayati al-Quran. Artikel ini akan membincangkan peranan bahasa Arab dalam memahami teks al-Quran, hubungan antara Bahasa Arab dan al-Quran, serta implikasi terhadap masyarakat muslim Malaysia apabila tidak memahami dan menghayati al-Quran.

Peranan Bahasa Arab

Bahasa Arab bukan sekadar alat komunikasi, tetapi ia juga merupakan medium utama untuk memahami dan menghayati maksud tersurat dan tersirat ayat-ayat al-Quran. Tanpa penguasaan bahasa ini, umat Islam terpaksa bergantung kepada terjemahan asas yang tidak mencapai maksud yang tersirat, kadangkala tidak dapat menyampaikan makna yang tepat kerana kosakata yang sangat terhad, perbezaan struktur bahasa dan konteks yang variasi.

Justeru, ketepatan makna atau maksud yang hendak disampaikan Allah SWT dan tafsiran yang dibuat oleh *mufasssirin* dalam bahasa yang mudah tidak dapat dicapai dengan baik tanpa mempelajari bahasa Arab. Al-Quran mengandungi banyak perkataan yang mempunyai makna yang mendalam dan tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa lain, seperti: perkataan "takwa" diterjemahkan sebagai "takut kepada Allah", tetapi maknanya lebih luas, merangkumi kesedaran, kewaspadaan, dan ketaatan yang mendalam. Hanya dengan memahami bahasa Arab, seseorang dapat menangkap nuansa makna sebenar disebalik ayat-ayat al-Quran.

Di samping itu, wajar untuk masyarakat muslim mempelajari gaya bahasa al-Quran retorik (*Balaghah*) ilmu keunikan bahasa bagi memahami maksud yang mendalam untuk menyampaikan sesuatu perkara yang melibatkan penghayatan, perasaan yang tersirat yang tidak dapat dicapai dengan hanya belajar bahasa Arab semata-mata. Al-Quran menggunakan gaya bahasa yang tinggi (*Balaghah*) seperti metafora (*isti'arah*), perbandingan (*tasybih*), dan kiasan (*kinayah*). Tanpa pengetahuan bahasa Arab, pembaca tidak dapat memahami dan menghayati keindahan dan ketepatan mesej yang disampaikan Allah SWT. Mempelajari bahasa Arab juga dapat mengelak dari salah faham dalam tafsiran, seperti: "*Daraba*" Nisa:34 diterjemahkan sebagai "memukul". Walau bagaimanapun, dalam konteks bahasa Arab, terdapat pelbagai makna bergantung pada konteks dan situasi. Pemahaman bahasa Arab dapat membantu dan mengelak dari tafsiran yang sempit atau ekstrem.

Bahasa Arab dan Al-Quran: Bagai Beliung Dengan Asahan

Al-Quran adalah komunikasi Allah SWT yang ditujukan kepada hambanya sebagai panduan kehidupan. Komunikasi Allah SWT menggunakan bahasa Arab sebagai medium

penyampiannya bagi mengangkat martabat bahasa ini ke sisinya, dengan menyebut kata-kata Allah ini akan diberi ganjaran pahala. Maka, kita dapati hubungan antara bahasa Arab dan al-Quran sangat rapat. Hubungan ini menjadikan bahasa Arab bukan sekadar bahasa komunikasi, tetapi juga bahasa ilmu dan agama.

Dengan demikian, Bahasa Arab dikenali sebagai Bahasa Wahyu. Allah SWT memilih Bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran kerana keunikan dan keluasannya. Bahasa Arab mampu menyampaikan makna yang mendalam dengan struktur yang ringkas dan padat. Bahasa Arab telah dipilih secara khusus sebagai Bahasa alQuran untuk memudahkan pemahaman manusia.

Peranan bahasa Arab sebagai bahasa Ibadah masyarakat muslim di samping bahasa komunikasi penyampaian ayat-ayat al-Quran, digunakan dalam ibadah harian seperti solat, doa, dan zikir. Masyarakat muslim di dunia wajib melaksanakan solat dengan membaca al-Fatihah, surah-surah, dan lafaz takbir dalam bahasa Arab, ini menunjukkan kepentingan Bahasa Arab dalam kehidupan muslim dan melaksanakan ibadah agama islam.

Selain itu, Bahasa Arab juga merupakan bahasa rujukan pelbagai disiplin ilmu-ilmu Islam. Majoriti kitab *turath* seperti karya-karya ulung Imam al-Ghazali, Ibn Kathir, Imam Syafi'e dan Imam Nawawi ditulis dan dihuraikan dalam bahasa Arab. Maka, penguasaan bahasa Arab adalah sangat penting dan menjadi keutamaan untuk akses kepada khazanah ilmu-ilmu yang terdapat dalam kitab turath ini. Maka, kunci untuk Khazanah ilmu Islam ini ialah Bahasa Arab.

Implikasi Tidak Mempelajari Bahasa Arab

Bahasa Arab adalah bahasa turath Islam, bahasa ilmu, dan bahasa ibadah. Mempelajari Bahasa Arab menjadi wajib ke atas masyarakat muslim. Bahasa yang menjadi kunci Khazanah ilmu-ilmu islam dan al-Quran. Sekiranya al-Quran menjadi panduan dan pegangan utama Masyarakat Islam, nescaya banyak perihal kehidupan dapat diselesaikan dengan aman, harmoni dan berkesan. Terdapat beberapa implikasi terhadap ibadah, memahami al-Quran, dan mengkaji kitab turath dan ilmu agama sekiranya bahasa Arab diabaikan. Seorang muslim itu berisiko salah tafsir atau tidak memahami maksud sebenar ayat-ayat suci al-Quran, dan boleh membawa kepada kesalahan dalam ibadah dan keimanan jika tidak memahami dan menghayati Intisari teks al-Quran dengan baik.

Selain itu, ketidakmampuan memahami dan menguasai bahasa ini boleh mengurangkan kekhusyukan dan ketepatan dalam ibadah. Juga, tidak mampu memahami dan menggali ilmu dalam kitab-kitab turath yang ditulis dalam bahasa Arab klasik yang kompleks. Apabila tiada pengetahuan bahasa Arab maka akan terbatas untuk membaca, memahami, dan mengkaji khazanah ilmu agama dan budaya Islam tradisional dan klasik serta menyebabkan masyarakat Muslim akan terputus daripada ilmu-ilmu pengetahuan seperti tafsir, hadis, dan sejarah yang sangat penting dalam memperkukuhkan keimanan dan

pengetahuan agama masyarakat muslim. Kelima, Bahasa Arab adalah bahasa resmi dan utama dalam penyebaran ilmu agama. Tanpa penguasaan bahasa ini, usaha dakwah dan pendidikan agama tidak berkesan dan menjadi terhad dalam menyampaikan mesej yang tepat dan berkesan.

Penutup

Bahasa Arab dan al-Quran mempunyai hubungan yang sangat rapat dan amat penting untuk memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran. Kefahaman dan penghayatan al-Quran dapat dicapai dengan baik melalui kompetensi bahasa Arab. Maka, mempelajari Bahasa Arab untuk ibadah menjadi satu kewajipan terhadap Masyarakat muslim. Implikasi negatif terhadap kehidupan dan keharmonian masyarakat dapat dilihat apabila ilmu-ilmu al-Quran tidak dihayati dan difahami, salah tafsir, beribadah tidak kusyuk dan tidak sempurna dan tidak mempelajari Bahasa Arab.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad H. Osman, R., & Abu Hassan, M. I. (2022). Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai bahasa al-Quran dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufasssīrīn: The Privilege of Arabic as the Language of the Qur'an and the Importance of Mastering It for the Mufasssīrīn. *Al-Hikmah: International Journal Of Islamic Studies And Human Sciences*, 5(2), 325-342.
- Darwish, A. R. A., Abdelgelil, M. F. M., Razali, M. A. T. M., Hassan, A. F., & Abdullah, M. S. (2021). Linguistic Miracles in The Noble Qur'an'. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11, 1248-58
- Hasnurol Hashim, Kaseh Abu Bakar & Maheram Ahmad. 2020. Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Menerusi Pengetahuan Makna Dan Penggunaannya. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Ms160–174
- Nik Muhamad Aidil Aiman, Md. Nor Abdullah (2024). Peranan Ilmu Balāghah Dalam Penafsiran Al-Quran: Kajian Terhadap Al-Ṭibāq Dan Al-Muqābah, *Jurnal 'Ulwan* eISSN: 2600-7843 Jilid 9 (Bil.2) p: 71-85
- Shabriyah, N. S., Muhammad Nuruddien, & Muhammad Nuruddien. (2022). A Kontribusi Ilmu Balaghah terhadap Makna dan Sastra yang Terkandung dalam Ayat-Ayat Al-Qur'an™an: The Contribution of Balaghah Science to the Meaning and Literature Contained in the Verses of the Qur'an. *El-Wasathiya: Jurnal Studi Agama*, 10(01), 69-85. <https://doi.org/10.35888/el-wasathiya.v10i01.4830>

BICARA WARISAN: KOMUNIKASI KELUARGA DALAM PEMILIHAN CEO PERNIAGAAN KELUARGA MELAYU

Oleh:



Dr. Nadiah Mahmad Nasir, Profesor Dr. Khairul Akmaliah Adham,
Dr. Nur Qamarina Sharom & Dr. Anita Ismail

nadiahnasir@unimap.edu.my

Dr. Nadiah Mahmad Nasir sebagai penulis utama, merupakan pensyarah kanan di Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Beliau adalah graduan Doktor Falsafah (Ph.D) Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM, dengan pengkhususan dalam kajian perniagaan keluarga dan pengurusan strategik. Beliau kini aktif dalam penyelidikan bidang keusahawanan dan pengurusan halal.

ABSTRAK

This article explores family communication in selecting CEOs in Malay family businesses. Based on four successful case studies, it highlights the role of strategic, value-based communication shaped by trust, responsibility, and legacy. It also emphasizes Islamic values in leadership selection, guided by justice, suitability, and the principle of amanah (trust).

Pengenalan: Perniagaan sebagai Warisan Keluarga

“Kita mulakan perniagaan ini untuk anak-anak. Biar mereka ada sesuatu yang boleh disambung, dibina, dan dimanfaatkan bila kita tiada nanti”. Itulah antara kata-kata yang sering diulang oleh si ayah kepada isterinya sejak perniagaan keluarga itu ditubuhkan. Bicara ini menjadi prinsip yang membimbing setiap langkah perniagaan yang diasaskan dengan penuh pengorbanan. Bagi keluarga-keluarga Melayu yang dikaji, niat untuk membina perniagaan

demasi masa depan anak-anak menjadi tunjang kepada segala usaha, dan tersemat kukuh dalam visi jangka panjang keluarga. Perniagaan yang dibangunkan bukan sekadar menjadi sumber pendapatan, tetapi dibentuk khusus sebagai legasi, iaitu harta bukan material yang membawa makna, harapan, dan kesinambungan dalam kehidupan kekeluargaan.

Pemilihan pewaris atau CEO dalam konteks ini bukan dibuat secara tergesa-gesa atau kerana desakan usia. Ia tidak menunggu saat kesihatan merosot atau waktu bersara tiba. Sebaliknya, ia telah terbina secara perlahan; melalui pengamatan, kepercayaan, dan komunikasi dalam lingkungan keluarga. Proses ini, meskipun tidak sentiasa formal, sarat dengan nilai-nilai amanah, tanggungjawab, dan kasih sayang bagi yang hendak mewariskan dan pewaris. Inilah ciri khusus pemilihan pewaris kepemimpinan dalam perniagaan keluarga Melayu. Ia bukan hanya persoalan siapakah yang paling layak dari segi kemahiran atau pengalaman, tetapi siapa yang paling menjiwai semangat berniaga yang telah ditanam sejak awal. Perniagaan keluarga bukan sekadar sebuah perniagaan, tetapi sebuah warisan keluarga yang dibina dengan cinta dan niat yang murni.

Artikel ini mengupas komunikasi keluarga dalam empat buah perniagaan keluarga Melayu yang telah berjaya menjalani proses peralihan kuasa daripada generasi pengasas kepada pewaris dalam kalangan anak-anak. Di sebalik kejayaan ini, terdapat corak komunikasi yang seragam dan signifikan.

Kaedah Komunikasi dalam Pemilihan CEO: Dapatan daripada Empat Kes

Pertama, komunikasi strategik antara ahli keluarga berlaku secara langsung dan tidak formal, selalunya dalam suasana yang tenang dan peribadi, samada di meja makan, dalam perjalanan menaiki kereta, di rumah, ketika berbual santai di kedai kopi, atau semasa dalam perjalanan kerja bersama. Walaupun komunikasi ini bersifat spontan, ia penuh makna dan menjadi medan penting untuk menyampaikan harapan serta membentuk kesepakatan. Platform komunikasi seperti WhatsApp turut digunakan sebagai pelengkap bagi menyusun pertemuan atau mengesahkan keputusan yang telah dibincangkan secara bersemuka.

Kedua, perbincangan awal berkenaan dengan pewarisan biasanya bermula antara pasangan suami dan isteri pengasas. Mereka menilai potensi dan minat anak-anak secara diam-diam, berdasarkan penglibatan harian anak dalam perniagaan. Hanya setelah pasangan mencapai kata sepakat, barulah anak-anak dimaklumkan mengenai keputusan tersebut. Ketiga, pemilihan pewaris tidak bergantung kepada susunan kelahiran semata-mata, ada yang anak sulung, ada yang bukan, tetapi berdasarkan kesesuaian, penglibatan awal, dan komitmen terhadap perniagaan. Keputusan itu dianggap munasabah dan diterima baik oleh semua anak-anak kerana dilihat sejajar dengan keperluan perniagaan dan nilai keluarga yang telah dipupuk bersama. Keempat, keputusan peralihan diumumkan samada secara formal ataupun tidak formal; ada yang berlaku sehari sebelum majlis perkahwinan si anak, manakala

yang lainnya pula adalah kata putus si ayah yang akhirnya memaksa anak untuk pulang berbakti kepada keluarga.

Kaedah bicara dari perspektif strategik ini adalah didasari oleh nilai-nilai yang menyokong dan menghidupkan proses pemilihan CEO dalam perniagaan keluarga Melayu.

Pemilihan CEO Bersarat Nilai dan Perspektif Islam

Nilai-nilai ini merangkumi kebolehpercayaan, tanggung jawab, semangat, keazaman, ketabahan, komitmen, kasih sayang, penjagaan, kesabaran, perlindungan keturunan, kesyukuran dan kerjasama. Dalam semua kes yang dikaji, nilai-nilai ini telah lama disemai oleh pengasas syarikat dan terus hidup melalui interaksi harian bersama ahli keluarga. Nilai tersebut dipupuk melalui tiga dimensi utama: struktur (peranan jelas antara ahli keluarga dalam perniagaan), kognitif (kesedaran dan kefahaman bersama terhadap nilai keluarga), dan perhubungan (ikatan emosi yang erat dalam keluarga).

Nilai-nilai ini juga selari dengan ajaran Islam yang menekankan kepentingan menunaikan amanah serta melantik individu yang layak dan adil dalam memikul tanggungjawab kepimpinan. Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 58: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya, dan apabila kamu menetapkan hukum di antara manusia, hendaklah kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya Allah sebaik-baik yang memberi pengajaran kepadamu. Sesungguhnya, Allah Maha Mendengar, lagi Maha Melihat.” Ayat ini menegaskan bahawa pelantikan dalam kepimpinan, termasuk dalam perniagaan keluarga, hendaklah berpandukan prinsip keadilan, kelayakan dan kepercayaan yang ditentukan secara telus dan berhemah.

Dalam semua kes, keputusan dibuat dengan mempertimbangkan bukan hanya kelayakan semasa pewaris, tetapi juga potensi jangka panjang dan kesinambungan nilai keluarga. Keputusan ini bersifat proaktif dan strategik, dan dibuat dengan tujuan menjaga kesinambungan legasi syarikat.

Penutup

Pemilihan CEO dalam perniagaan keluarga adalah proses pemindahan nilai, visi, dan tanggungjawab yang telah dibina sejak awal, menyerlahkan bicara keluarga sebagai perkara utama. Komunikasi strategik dalam keluarga yang berlaku secara terancang, jujur dan melibatkan pihak berkepentingan, membolehkan proses pemilihan berlaku tanpa konflik dan penuh rasa hormat. Perniagaan keluarga yang berjaya bukan sahaja yang dapat mencatat keuntungan, tetapi mampu membina kesinambungan yang harmoni dan bertahan pada generasi seterusnya. Kesinambungan ini bermula dengan satu perkara yang mudah tetapi sangat berkuasa iaitu bicara keluarga yang *terancang, berarah dan bermatlamat*.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

Azmi, I. A. G. (2016). *Amalan Pengurusan Sumber Manusia* (2nd ed.). Penerbit USIM.

Lansberg, I. (1999). *Succeeding generations: Realizing the dream of families in business*. Harvard Business Review Press.

Mahmad Nasir, N. (2023). *Familiness and CEO Selection Process: Case Studies of Malaysian Small Family Businesses* (Unpublished Doctoral Thesis). Universiti Sains Islam Malaysia.

Rothwell, W.J. (2010). *Effective Succession Planning: Ensuring Leadership Continuity and Building Talent from Within* (4th ed.). Amacom.

DOPAMIN DAN FOMO: PERANGKAP DIGITAL KETAGIHAN MEDIA SOSIAL

Oleh:



Fazirawatie Sarudin & Rahmahtunnisah Sailin

25MT14003P@postgrad.uis.edu.my

Penulis pertama merupakan calon Sarjana Komunikasi di Universiti Islam Selangor. Beliau mengkhusus kepada Media Sosial dalam penyelidikan yang sedang dijalankan.

ABSTRACT

Social media addiction, particularly among teenagers and young adults, is fueled by dopamine release and the Fear of Missing Out (FOMO), leading to excessive use. This addiction adversely impacts mental health, contributing to anxiety, depression, and reduced life satisfaction. Social media detox and encouraging face-to-face interactions are essential to address these negative consequences.

Pengenalan

Penggunaan media sosial seperti Facebook, Instagram, dan TikTok dalam era digital kini semakin meningkat, menyebabkan ketagihan yang boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan individu. Menurut kajian yang dijalankan, salah satu faktor utama yang menyumbang kepada ketagihan ini adalah peranan neurotransmitter dopamin, yang dikaitkan dengan sistem ganjaran otak, serta fenomena Fear of Missing Out (FOMO), yang mendorong individu untuk sentiasa memantau kemas kini dalam talian.

Dalam Islam, keseimbangan rohani dan akal sangat ditekankan. Ketagihan terhadap media sosial boleh mengganggu tumpuan terhadap ibadah, menjejaskan hubungan sosial dan akhirnya membawa kepada lalai (ghaflah). Allah SWT berfirman: “Janganlah kamu menjadi seperti orang-orang yang lupa kepada Allah, lalu Allah menjadikan mereka lupa kepada diri mereka sendiri. Mereka itulah orang-orang yang fasik.” (Al-Qur'an, 59:19). Ayat ini menjadi peringatan bahawa keasyikan terhadap dunia digital boleh melalaikan manusia daripada tanggungjawab spiritual dan sosial.

Peranan Dopamin dan Fenomena Fear of Missing Out (FOMO) dalam Ketagihan Media Sosial.

Dopamin ialah neurotransmitter yang berperanan dalam mekanisme ganjaran otak, memberikan rasa keseronokan dan motivasi. Notifikasi digital mencetuskan pelepasan dopamin, menyebabkan kepuasan segera yang boleh membawa kepada ketagihan. Menurut Dr. Anna Lembke dari Universiti Stanford dalam bukunya yang berjudul *Dopamine Nation: Finding Balance in the Age of Indulgence* terbitan tahun 2021, telefon pintar menjadikan pengguna “penagih dopamin” kerana interaksi digital mengukuhkan pergantungan terhadap media sosial.

Fenomena Fear of Missing Out (FOMO) mendorong ketagihan media sosial kerana kebimbangan tertinggal maklumat atau peluang penting. Konsep FOMO yang diperkenalkan oleh Dr. Dan Herman, menyebabkan individu kerap memeriksa notifikasi agar tidak ketinggalan dalam perbualan sosial atau trend semasa. Keterikatan ini menguatkan kebergantungan pada dunia maya, dan bersama pelepasan dopamin yang berterusan, ia dikaitkan dengan kesan negatif terhadap kesihatan mental.

Kesan dan Penyelesaian Ketagihan Media Sosial

Kajian lain pula menunjukkan bahawa penggunaan media sosial yang berlebihan dikaitkan dengan kualiti tidur yang rendah, kebimbangan, kemurungan, dan harga diri yang rendah dalam kalangan remaja.

Beberapa kajian dijalankan sebelum ini mengaitkan penggunaan media sosial dengan perasaan cemas dan kemurungan. Walaupun Malaysia tidak mempunyai angka tepat berhubung masalah kesihatan mental dalam penggunaan media sosial, berdasarkan data terkini daripada kajian Kementerian Kesihatan pada 2015, pakar percaya bahawa jumlah penghidap masalah kesihatan mental meningkat seiring dengan peningkatan penggunaan media sosial.

Seterusnya, pada 2022, *We Are Social and Hootsuite*, sebuah firma pemasaran yang memantau trend digital mendapati Malaysia adalah negara keenam di dunia yang merekodkan penggunaan Internet tertinggi, iaitu selama sembilan jam empat minit serta statistik yang diperoleh sebelum ini melalui Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) mendapati 5.6 juta remaja di negara ini berdepan masalah kemurungan dan separuh daripadanya berpunca daripada kemajuan digitalisasi pada masa kini.

Ketagihan media sosial jika dibiarkan tanpa strategi yang bersesuaian, boleh membentuk satu krisis komunikasi yang besar dalam kalangan masyarakat. Bagi menanganinya, beberapa strategi boleh diambil termasuk detoks digital. Detoks digital adalah satu tempoh masa bagi seseorang menghindari penggunaan peranti elektronik seperti telefon pintar, yang dianggap sebagai peluang untuk mengurangkan tekanan atau memberi tumpuan

kepada interaksi sosial dalam dunia fizikal. Definisi ini menggambarkan detoks digital sebagai satu bentuk pantang sementara daripada peranti elektronik untuk menyucikan diri, serupa dengan konsep berpuasa. Detoks sosial jugai boleh dikaitkan dengan konsep berpuasa dengan detox media sosial, iaitu mengurangkan atau menghentikan penggunaan media sosial dalam tempoh tertentu bagi mengawal kesan negatif terhadap kesihatan mental.

Konsep detoks digital juga selari dengan amalan *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa) dalam Islam, yang menekankan perlunya menjauhi perkara yang melalaikan hati dan akal. Amalan seperti berpuasa bukan sahaja melatih fizikal, malah mengawal nafsu, termasuk nafsu terhadap hiburan digital berlebihan. Imam al-Ghazali dalam *Ihya Ulumuddin* menegaskan bahawa hati yang bersih hanya akan lahir apabila seseorang menjauhkan diri daripada perkara yang melalaikan.

Selain itu, interaksi sosial secara bersemuka dapat membantu mengurangkan pergantungan terhadap interaksi maya dan memperkayakan pengalaman hidup. Aktiviti fizikal seperti berbasikal dan mendaki juga boleh menjadi alternatif bagi mengalihkan perhatian daripada media sosial.

Penutup

Ketagihan media sosial yang berpunca daripada pelepasan dopamin dan fenomena FOMO memberi impak negatif terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan sosial. Individu yang terlalu bergantung kepada interaksi digital cenderung mengalami kebimbangan, kemurungan, serta gangguan tidur yang boleh menjejaskan produktiviti dan kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, kesedaran serta kawalan sendiri terhadap penggunaan media sosial amat penting untuk mengelakkan ketagihan yang berpanjangan.

Justeru itu, penyelesaian kepada ketagihan media sosial bukan sahaja memerlukan pendekatan psikologi, malah juga pendekatan kerohanian. Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa bermuhasabah, mengawal hawa nafsu, dan mengisi masa dengan perkara yang bermanfaat untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an.

Al-Ghazali. (n.d.). *Ihya Ulumuddin* [The Revival of Religious Sciences]. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Khoiriyah, Z. A., & Tarsidi, D. Z. (2022). Social media detox: An effort to fight social media addiction and the fear of missing out (FOMO). *ICHELSS Conference Proceedings*, 2(1), 711–720.

Lembke, A. (2021). *Dopamine Nation: Finding Balance in the Age of Indulgence*. Penguin.

Woods, H. C., & Scott, H. (2016). #Sleepyteens: Social media use in adolescence is associated with poor sleep quality, anxiety, depression and low self-esteem. *Journal of Adolescence*, 51, 41–49.

KESAN MEDIA SOSIAL TERHADAP KEMASUKAN PELAJAR KE UNIVERSITI

Oleh:



Nur Hafizah binti Hadi & Rahmhtunnisah binti Sailin

25MT14001P@postgrad.uis.edu.my

Penulis merupakan pelajar Sarjana Komunikasi di Universiti Islam Selangor (UIS). Penyelidikannya memberi tumpuan kepada amalan komunikasi strategik dalam menyokong pelajar OKU di IPT.

ABSTRACT

Social media plays a crucial role in shaping students' university choices. Promotional content influences their perceptions and expectations. However, when the campus reality does not match the online portrayal, students may experience disappointment, making it harder for them to adapt and stay motivated throughout their academic journey.

Pengenalan

Dalam era digital, media sosial menjadi alat penting dalam pemasaran universiti. Kajian menunjukkan bahawa platform seperti Facebook, Instagram, dan TikTok memainkan peranan utama dalam membina imej universiti. Keberuntungan pelajar kepada media sosial sebagai sumber maklumat menjadikannya medium utama dalam proses pemilihan universiti. Walau bagaimanapun, promosi yang terlalu idealistik boleh mewujudkan jangkaan yang tidak realistik dalam kalangan pelajar baharu.

Oleh itu, amat penting bagi pihak universiti, terutama yang berteraskan nilai Islam, untuk memastikan strategi komunikasi digital yang digunakan bersifat telus, beretika dan mampu membimbing pelajar membuat keputusan secara bijak dan realistik.

Pengaruh Imej dan Reputasi Universiti Media Sosial

Kajian turut mendapati bahawa faktor niat tingkah laku, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku mempunyai hubungan sederhana dengan pemilihan universiti. Ini menunjukkan bahawa walaupun media sosial berperanan penting dalam menarik minat pelajar, keputusan akhir tetap dipengaruhi oleh faktor ekonomi dan sosial. Selain itu, kajian lain turut menunjukkan bahawa ulasan pengguna dan testimoni pelajar sedia ada lebih berpengaruh berbanding kandungan promosi rasmi universiti. Jika media sosial dipenuhi dengan komen negatif mengenai kualiti pengajaran atau kemudahan kampus, ia boleh memberi kesan terhadap keputusan pelajar untuk mendaftar.

Cabaran Penyesuaian Pelajar Akibat Harapan Yang Dibentuk Oleh Media Sosial

Jurang antara jangkaan dan realiti sering menjadi cabaran utama pelajar baharu. Kajian turut mendapati bahawa 85.3% pelajar menggunakan media sosial beberapa kali sehari, dengan sebahagian besar daripada mereka bergantung kepada media sosial untuk mendapatkan maklumat tentang IPT. Namun, apabila realiti kampus tidak menepati jangkaan yang dibentuk oleh media sosial, pelajar mungkin mengalami tekanan dan kekecewaan. Kajian juga menunjukkan bahawa generasi muda lebih bergantung kepada media sosial berbanding sokongan keluarga dalam membuat keputusan pendidikan. Ini bermakna, jika kandungan promosi IPT terlalu idealistik, pelajar mungkin kurang bersedia menghadapi cabaran sebenar kehidupan di universiti.

Elemen Islamik dalam Strategi Komunikasi IPT

Institusi berteraskan Islam seperti Universiti Islam Selangor harus lebih berhati-hati dalam merancang kandungan promosi mereka. Media sosial perlu menjadi medan dakwah halus yang mempamerkan adab, nilai ukhuwah, dan ilmu yang berkat. Islam menekankan kejujuran dalam komunikasi, "Dan janganlah kamu campur adukkan kebenaran dengan kebatilan..." (Al-Baqarah: 42). Justeru, promosi mestilah bersifat telus dan mencerminkan realiti sebenar agar pelajar dapat membuat pilihan yang jujur dan bijak.

Penutup

Walaupun media sosial memainkan peranan penting dalam menarik pelajar ke universiti, kandungan yang dipaparkan perlu menggambarkan realiti sebenar. Universiti disarankan untuk menggunakan pendekatan yang lebih seimbang dengan memaparkan maklumat yang telus dan realistik bagi membantu pelajar membuat keputusan yang lebih tepat. Dengan pendekatan ini, IPT bukan sahaja mampu menarik pelajar baharu, malah membentuk komuniti kampus yang lebih bersedia dan harmoni.

BIBLIOGRAFI

- Bennett, S., Maton, K., & Kervin, L. (2008). The 'digital natives' debate: A critical review of the evidence. *British Journal of Educational Technology*, 39(5), 775–786.
- Cole, D. A., et al. (2017). Online Social Support for Young People: Does It Recapitulate In-Person Social Support? *Computers in Human Behavior*, 456-464.
- Hassan, M. S., et al. (2018). The Impact of Social Media Toward Student Selection to Higher Education Institution. *Malaysian Journal of Social Science*, 3, 37-50.
- Primack, B. A., et al. (2017). Social Media Use and Perceived Social Isolation Among Young Adults in the U.S. *American Journal of Preventive Medicine*.53(1),1-8.
- Rutter, R., et al. (2016). Social Media Interaction, The University Brand and Recruitment Performance. *Journal of Business Research*, 3096-3104.

MAHASISWA & LITERASI DIGITAL: ANTARA CABARAN DAN PELUANG

Oleh:



Saidatul Khatijah Ismail & Rahmahtunnisah Sailin

saidatulkhatijah@uis.edu.my

Penulis pertama merupakan calon sarjana dalam bidang Komunikasi, Universiti Islam Selangor. Beliau mengkhusus kepada Literasi Media Digital dalam penyelidikan yang sedang dijalankan.

ABSTRACT

The digital era has significantly changed the ways people communicate, learn, and interact. University students now face various challenges and opportunities in mastering digital literacy. Issues such as the spread of false information, excessive dependence on technology, and a lack of critical understanding have created a serious communication crisis. This article discusses the challenges and opportunities of digital literacy among university students and emphasizes the importance of digital literacy education grounded in Islamic values and ethics to shape a generation of character and integrity.

Pengenalan

Literasi digital merujuk kepada kemampuan individu untuk menggunakan teknologi digital secara efektif, memahami kandungan dalam talian dan berkomunikasi secara bertanggungjawab. Bagi mahasiswa, literasi digital bukan sekadar kemahiran teknikal, tetapi turut melibatkan pemikiran kritis, etika dan nilai moral dalam penggunaan media digital. Literasi digital perlu diselaraskan dengan prinsip maqasid syariah yang menekankan penjagaan agama, akal, nyawa, keturunan dan harta dalam konteks Islam. Oleh itu, mahasiswa perlu mengintegrasikan nilai-nilai Islam seperti kejujuran, amanah dan adab dalam setiap interaksi digital.

Cabaran Literasi Digital dalam Kalangan Mahasiswa

Salah satu cabaran utama literasi digital ialah penyebaran maklumat palsu atau hoaks. Kajian menunjukkan mahasiswa sering sukar membezakan antara sumber maklumat yang sahih dan palsu akibat kurangnya kemahiran menilai kredibiliti maklumat. Menyebarkan maklumat tanpa memastikan kesahihannya adalah dilarang, sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Hujurat ayat 6 yang menuntut umat Islam untuk melakukan *tabayyun* atau menyelidik kebenaran sesuatu berita sebelum menyebarkannya.

Selain itu, kebergantungan berlebihan kepada teknologi digital turut menjadi cabaran yang begitu serius. Mahasiswa yang terlalu banyak menghabiskan masa dengan peranti digital berisiko mengalami masalah kesihatan mental seperti kebimbangan dan kemurungan. Ketergantungan ini juga mengurangkan interaksi sosial secara langsung, sedangkan Islam menggalakkan ukhuwah dan silaturahim sesama manusia.

Walaupun mahasiswa sering dianggap sebagai *digital natives*, hakikatnya mereka masih kurang memiliki pemahaman kritis terhadap kandungan digital. Kajian mendapati hanya sebahagian kecil mahasiswa yang benar-benar mampu menganalisis dan menilai maklumat digital secara kritis. Islam menuntut umatnya berfikir secara rasional dan tidak menerima sesuatu secara membuta tuli, seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Isra' ayat 36. Oleh itu, pendidikan literasi digital perlu menekankan aspek pemikiran kritis dan tanggungjawab moral, seiring dengan tuntutan agama.

Peluang Literasi Digital kepada Mahasiswa

Walaupun terdapat pelbagai cabaran, literasi digital juga menawarkan peluang besar kepada mahasiswa. Salah satu peluang utama ialah akses kepada sumber pengetahuan yang luas. Platform digital seperti Google Scholar dan perpustakaan digital membolehkan mahasiswa mengakses jurnal, buku, dan artikel akademik dengan mudah, sekali gus meningkatkan prestasi akademik mereka. Menuntut ilmu adalah satu kewajipan dalam Islam dan penggunaan teknologi untuk tujuan pembelajaran adalah selari dengan tuntutan agama.

Literasi digital juga membuka peluang untuk membangunkan kemahiran baru seperti pengaturcaraan, analisis data, dan pengurusan kandungan digital. Kemahiran ini sangat penting dalam pasaran kerja moden yang semakin bergantung kepada teknologi. Mahasiswa yang menguasai literasi digital bukan sahaja dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi, malah mampu menjadi agen perubahan dalam masyarakat.

Platform digital seperti LinkedIn, Zoom, dan Slack membolehkan mahasiswa berkolaborasi dan membina jaringan dengan individu dari pelbagai negara. Hal ini bukan sahaja meningkatkan peluang kerjaya, tetapi juga memperluas perspektif global mahasiswa. Namun, dalam Islam, individu yang berinteraksi di ruang maya diingatkan agar sentiasa menjaga adab dan etika bagi mengelakkan fitnah dan menjaga maruah diri serta orang lain.

Berfikiran kritis dalam menilai maklumat yang diterima penting bagi mengatasi krisis komunikasi. Pendidikan literasi digital yang komprehensif dapat membantu mahasiswa mengenal pasti sumber maklumat yang sahih dan mengelakkan penyebaran maklumat palsu. Institusi pendidikan juga perlu memainkan peranan penting dengan menyediakan modul latihan yang fokus kepada pengurusan krisis komunikasi dalam era digital.

Integrasi Nilai Islam dalam Literasi Digital

Mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam literasi digital adalah sangat penting untuk membentuk mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga berakhlak mulia. Kajian menunjukkan bahawa literasi digital yang berteraskan nilai Islam mampu membentuk generasi yang cakap teknologi dan berakhlak. Nilai-nilai seperti kejujuran, amanah dan adab perlu diterapkan dalam setiap aspek penggunaan teknologi digital, termasuk dalam penciptaan dan penyebaran kandungan.

Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran misalnya, telah terbukti dapat membentuk nilai moral dan etika yang positif dalam kalangan pelajar. Namun, penggunaan teknologi tersebut perlu diselaraskan dengan prinsip etika yang tinggi agar tidak menjejaskan integriti ajaran Islam.

Para pendakwah perlu mematuhi garis panduan etika dan sentiasa memastikan kandungan yang disampaikan adalah tepat, tidak provokatif dan tidak melanggar prinsip syariah dalam konteks dakwah digital. Pendidikan dan latihan mengenai etika dakwah digital perlu diberikan kepada mahasiswa agar mereka dapat menjadi agen penyebaran ajaran Islam yang berkesan dan berintegriti.

Peranan Institusi Pendidikan

Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memperkasakan literasi digital dalam kalangan mahasiswa. Program latihan, bengkel dan modul khusus perlu disediakan untuk memastikan mahasiswa lebih bersedia menghadapi cabaran era digital. Kurikulum literasi digital juga perlu diintegrasikan dengan nilai-nilai Islam bagi membentuk mahasiswa yang seimbang dari segi intelek, emosi, dan spiritual.

Penutup

Literasi digital adalah kemahiran asas yang sangat penting bagi mahasiswa dalam era digital. Walaupun terdapat cabaran seperti penyebaran maklumat palsu, kebergantungan kepada teknologi dan kurangnya pemahaman kritis, terdapat juga peluang besar untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kerjaya melalui penguasaan literasi digital. Integrasi nilai dan etika Islam dalam pendidikan literasi digital adalah kunci untuk melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja mahir teknologi, tetapi juga berakhlak mulia dan

bertanggungjawab. Institusi pendidikan perlu memainkan peranan proaktif dalam memperkuat literasi digital berterasaskan nilai Islam agar mahasiswa mampu menghadapi cabaran masa depan dengan lebih yakin dan berintegriti.

BIBLIOGRAFI

- Abbas, M. F. F., & Marwa. (2023). Investigasi persepsi mahasiswa terhadap literasi digital dalam memenuhi tuntutan keterampilan abad 21. *Media Komunikasi Pendidikan Kewarganegaraan*, 12(1). <https://doi.org/10.26858/mkpk.v12i1.6890>
- Jurnal Pengajian Islam. (2024). Penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran: Tinjauan terhadap aspek etika dan kesannya dalam pembentukan nilai moral, 17(1), 1–6. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i1.254>
- Mabrur, & Marzuki, A. (2020). Literasi digital: Sumber paham keagamaan pada mahasiswa penghafal Al-Qur'an di PTIQ Jakarta. *Penamas*, 33(1), 77–92. <https://penamas.kemenag.go.id/index.php/penamas/article/download/381/184>
- Waroh, S., Putri, A., & Gusmaneli. (2025). Integrasi nilai-nilai Islam dalam penguatan literasi digital pada generasi milenial. *Al-Zayn: Jurnal Ilmu Sosial & Hukum*, 3(2), 323–332. <https://doi.org/10.61104/alz.v3i2.1012>
- Jurnal Manajemen dan Pendidikan Agama Islam. (2025). Etika dakwah di media digital: Tantangan dan solusi, 3(2), 318–329. <https://journal.aripafi.or.id/index.php/jmpai/article/download/1005/1399/5497>

IDEOLOGI FEMINIS DALAM MEDIA MASSA MERUBAH PERANAN BAPA DALAM RUMAHTANGGA

Oleh:



Dr. Amani binti Nawi & Dr. Umi Hamidon Mohd Soffian Lee

amani@usim.edu.my

Penulis pertama merupakan pensyarah kanan di Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRACT

Feminism is a pivotal ideology in modern culture. The mass media has facilitated the progression of feminism across multiple waves. It has utilised media as a mechanism for social transformation, producing alternative representations of women and contesting conventional gender standards. Feminism highlights the complexity of gender roles and power hierarchies within the institution of marriage. These discussions prompt couples to reassess their relationships, fostering equity and mutual responsibilities. Through the promotion of open communication, feminism may develop partnerships that empower individuals, hence resulting in better and more equitable family dynamics.

Pengenalan

Ideologi feminis memberi impak yang besar terhadap pelbagai aspek kehidupan sosial termasuk institusi keluarga. Feminisme merujuk kepada satu alternatif untuk memahami dunia dari sudut pandangan seorang wanita. Ideologi feminisme bertujuan untuk mengubah ketidakseimbangan gender yang berlaku dalam kalangan masyarakat tempatan yang umumnya lebih mengutamakan kaum lelaki (*patriarchal society*). Ideologi feminisme yang diperkenalkan oleh Barat tercetus akibat daripada amalan sistem patriarki yang meletakkan lelaki sebagai individu paling berkuasa hingga menyebabkan wanita berada di kelas kedua. Wujud perasaan tidak berpuas hati terhadap ketidakadilan gender dalam sistem sosial masyarakat mengakibatkan gerakan ini tampil dengan idea bahawa wanita harus mendapat hak setaraf, adil dan sama rata seperti lelaki dalam semua aspek. Justeru, pelbagai usaha dilakukan oleh golongan feminisme dalam usaha merapatkan jurang yang melibatkan

perbezaan gender bagi mendapatkan hak dan peluang yang sama seperti lelaki. Secara tidak langsung, feminisme telah mencabar norma dan amalan tradisional mengenai peranan gender termasuk peranan bapa dalam rumah tangga.

Melalui media massa, wanita telah diberi peluang untuk bersuara dan berkongsi pandangan kepada masyarakat di dalam dan luar negara melibatkan pelbagai isu yang dibangkitkan melibatkan peranan dan hak wanita. Dengan kewujudan pelbagai jaringan media sosial sebagai ejen media baharu, ia menjadikan gerakan aliran feminisme semakin rancak berkembang sehingga mampu merubah sudut pandang individu dan masyarakat terhadap peranan lelaki dalam kehidupan rumah tangga yang melibatkan aspek representasi, tanggung jawab dan persepsi masyarakat.

Ideologi Feminisme Barat dan Kesamarataan Gender

Definisi gender berbeza dengan jantina. Jantina adalah faktor biologi manakala gender adalah perbezaan tingkah laku hasil daripada binaan sosial dan sifatnya relatif iaitu tidak mutlak. Gender berkait rapat dengan pembahagian peranan dan kedudukan antara lelaki dengan wanita dalam sesebuah masyarakat yang terhasil daripada proses sosialisasi dan budaya sesebuah masyarakat. Secara asasnya, gender dilihat sebagai perbezaan yang berlaku antara lelaki dan wanita dengan merujuk kepada biologi dan sosiologi yang menjadi diskriminasi dalam golongan wanita. Isu gender ini mula dicetuskan oleh golongan feminisme di Amerika Syarikat pada 1980-an untuk menuntut keadilan dan mendapatkan kembali hak-hak mereka yang telah dinafikan oleh pemerintah mahupun adat masyarakat pada ketika itu.

Golongan wanita pada ketika itu dikatakan melakukan semua kerja domestik seperti kerja rumah, kerja sukarela dan kerja yang bergaji. Malahan, mereka menghabiskan banyak masa untuk bekerja berbanding golongan lelaki. Misalnya, seorang wanita menghabiskan masa selama 43.8 jam seminggu untuk menjaga seorang anak. Bayangkani sekiranya wanita tersebut mempunyai lebih daripada seorang anak. Oleh itu, tanggung jawab wanita di rumah sepatutnya dibayar gaji untuk khidmat yang diberikan dalam menguruskan rumah tangga. Oleh yang demikian, ramai wanita mula tidak berpuas hati terhadap jumlah dan waktu kerja rumah yang dilakukan berbanding dengan suami mereka. Dalam situasi ini, golongan wanita menuntut supaya kerja rumah hendaklah dikongsi bersama antara suami dan isteri supaya lebih adil dan saksama sebagai ahli rumah tangga. Tambahan lagi wanita yang turut bekerja di luar atau pun suri rumah sepenuh masa. Gerakan ini mendakwa bahawa hak dan tanggung jawab lelaki dan wanita dalam konteks rumah tangga perlu dikongsi sama rata dan adil secara mutlak untuk memastikan wanita tidak terbeban, ditindas dan dipergunakan.

Taraf dan Kedudukan Wanita dalam Islam

Kedudukan wanita sebelum kedatangan Islam dianggap rendah dan hak mereka sering diabaikan. Wanita hanya dilihat berperanan sebagai hamba kepada lelaki dan tiada hak untuk bersuara dalam memastikan wanita layak mendapatkan hak yang saksama seperti lelaki. Malah, wujud tanggapan *misoginis* (kebencian terhadap wanita) begitu kuat sehingga ia menjadi norma yang mewarnai kehidupan manusia pada era jahiliyah. Namun selepas kedatangan Islam, bermulalah titik tolak penaiktarafan martabat wanita di sisi masyarakat dan agama yang mula membebaskan wanita daripada diskriminasi dan penindasan yang telah berlaku sekian lama. Perbincangan Islam tentang feminisme bukanlah sesuatu yang baharu dalam dunia intelektual Islam. Hal ini adalah kerana perjuangan feminisme turut aktif dalam masyarakat muslim dalam menyuarakan pandangan berkenaan hak-hak wanita seperti yang diperjuangkan oleh Fatimah Mernissi (1940-2015), Amina Wadud (l. 1952), Riffat Hassan (l. 1943) dan perjuangan mereka mula mendapat liputan dalam media massa hingga mengubah amalan sosialisasi melibatkan tanggung jawab dan peranan lelaki dalam aspek kehidupan seharian. Walau bagaimanapun, banyak pendapat dan pemikiran feminis yang dibawa oleh mereka bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar.

Hakikatnya, kedatangan Islam telah mengangkat status wanita ke darjat yang istimewa sehingga mereka mula dihormati sama seperti lelaki lebih-lebih lagi apabila wanita tersebut adalah seorang isteri dan ibu. Malah, Islam merupakan agama pertama yang mengiktiraf hak asasi wanita dan memberi jaminan serta garis panduan mengenainya. Hak-hak tersebut dimaktubkan dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Antara hak asasi wanita yang digariskan oleh Islam ialah hak berpolitik, hak memilih pekerjaan dan hak menuntut ilmu pengetahuan. Namun, persamaan taraf dan hak antara keduanya bukanlah bermaksud persamaan dalam segenap aspek tetapi merujuk kepada keadilan yang bersesuaian dengan fitrah kejadian lelaki dan wanita.

Media Sebagai Ejen Sosialisasi Gender

Media hari ini memainkan peranan yang sangat signifikan dalam mensosialisasikan nilai-nilai feminis dalam kehidupan masyarakat termasuk hal-hal rumah tangga. Dalam sebuah kajian di Amerika Syarikat, 66 peratus pasangan yang berkahwin melaporkan bahawa telefon pintar dan laman media sosial memainkan peranan penting dalam kehidupan rumah tangga mereka. Oleh yang demikian, ideologi feminisme melalui peranan rangkaian media telah berjaya menimbulkan pelbagai impak dalam mengubah persepsi dan tingkah laku masyarakat termasuk peranan bapa dalam rumah tangga. Ia menjadikan pembahagian peranan dan tanggung jawab dalam keluarga lebih inklusif dan adil agar ia tidak tertumpu kepada satu gender sahaja. Stigma masyarakat terhadap wanita perlu menggalas sepenuhnya pengurusan rumah tangga seperti memasak, mencuci baju, menjaga dan

mendidik anak-anak telah mula beralih arah kepada peranan lelaki untuk bersama-sama menjalankan tanggung jawab ini. Hal ini, bagi menjamin kebahagiaan mental dan emosi wanita sebagai isteri dan ibu seperti yang diperjuangkan oleh golongan feminis zaman ini. Evolusi peranan ini menunjukkan masyarakat secara umum telah mula bersifat terbuka dan menerima bahawa kaum lelaki yang bergelar bapa bukan sahaja bertanggung jawab memberikan nafkah semata-mata, tetapi harus memainkan peranan dalam menguruskan kerja rumah dan perihal yang berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan anak-anak.

Dalam masa yang sama, ramai juga yang berpandangan bahawa idea feminisme sudah meresap terlalu jauh dalam masyarakat zaman ini dalam membela hak-hak wanita. Media sosial seperti TikTok, Instagram, Twitter dan lain lain melalui pengengaruh kerap memperlihatkan gaya hidup yang memaparkan seorang suami yang terlibat secara aktif dalam melaksanakan tugas-tugas domestik rumah tangga. Tekanan ekonomi yang menyebabkan seorang isteri perlu keluar bekerja bagi mencukupkan keperluan asas mengukuhkan lagi isu peranan ini. Selain itu, tidak kurang juga kaum suami dan bapa muda berkongsi pengalaman keibubapaan mereka dalam media sosial masing-masing untuk menunjukkan kebanggaan menjadi tulang belakang membantu wanita menguruskan rumah tangga. Kesannya, media berjaya mempromosikan naratif feminisme bahawa tanggung jawab domestik rumah tangga adalah perkara yang perlu dipikul secara bersama antara suami dan isteri. Hal ini tiada salahnya, malah Islam sangat menuntut sikap tolong-menolong antara pasangan dalam urusan mentaati Allah seperti firman-Nya yang bermaksud:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan.”
(Surah Al-Ma'idah, Ayat 2)

Walau bagaimanapun, kita sama sekali tidak boleh memandang remeh tentang peranan dan hak suami isteri seperti yang telah digariskan oleh ajaran Islam. Masyarakat perlu sedar dan memahami perbezaan fungsi, peranan dan biologi wanita dan lelaki seperti mana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT, dan ia bukanlah alasan untuk memandang rendah kedudukan wanita. Islam menjamin keadilan kepada semua anggota masyarakat tanpa mengira agama, gender dan bangsa.

Penutup

Kesimpulannya, isu peranan gender ini telah lama diperdebatkan sama ada melalui media massa dan dalam masyarakat sendiri terutama yang melibatkan hak dan tanggungjawab suami dan isteri dalam urusan rumah tangga. Ia dipengaruhi oleh gerakan feminisme pada 1980-an atas dasar untuk menuntut keadilan bagi kaum wanita malahan gerakan ini turut

didorong oleh perluasaan geografi, revolusi industri dan teknologi seperti media, gerakan pembaharuan sosial dan pendidikan dalam kalangan masyarakat. Kebangkitan feminisme ini bukan sahaja berkembang di Barat tetapi turut tersebar ke Timur Tengah dan Asia sehingga memberi impak besar kepada amalan mengutamakan lelaki berbanding wanita. Sikap prihatin yang ditonjolkan dalam kalangan masyarakat merupakan kunci utama untuk mengatasi isu yang melibatkan gender terutamanya dari segi pembahagian tugas dalam keluarga yang tidak seimbang. Pada zaman ini golongan lelaki lebih terbuka dan bersedia untuk memartabatkan wanita terutama melibatkan keharmonian rumah tangga bagi menjamin kebahagiaan yang berpanjangan. Oleh itu, kemajuan teknologi melalui peranan media massa menjadi faktor penyumbang kepada penyerapan pantas ideologi feminisme ini dalam kalangan masyarakat sebagai medium perkongsian dan soal jawab isu yang dibangkitkan.

BIBLIOGRAFI

- Azahar, N. A. A. M., & Rahman, N. F. A. (2019). *Gender The Right and Position Of Women In Islam: Focus On The Concept Of Gender Equality*. 5th International Seminar on Islamiyyat Studies. Faculty of Islamic Civilization Studies. International Islamic University College, Selangor, Malaysia.
- Abur Hamdi Usman & Nurhidayah Ramlee. (2018). *Kedudukan Wanita Menurut Perspektif Islam: Tumpuan Kepada Konsep Kesamarataan Gender*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Mariam Binti Md Zin . (2024). "Pengaruh Pempengaruh Dalam Masalah Rumah Tangga". <https://mais.gov.my/e-edisi/pengaruh-pempengaruh-dalam-masalah-rumah-tangga/>
- Usman, A. H., & Ramlee, N. (2019). Kedudukan Wanita menurut Perspektif Islam: Tumpuan kepada konsep kesamarataan gender. In *Jurnal International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD)*, Selangor: International Islamic University.
- Zin, M. M. (2024). *Pengaruh Pempengaruh Dalam Masalah Rumah Tangga*. <https://mais.gov.my/e-edisi/pengaruh-pempengaruh-dalam-masalah-rumah-tangga/>

PARENTAL TECHNOFERENCE DAN KESANNYA TERHADAP INTERAKSI IBU BAPA – ANAK

Oleh:



Dr. Siti Nubailah binti Mohd Yusof
nubailah@usim.edu.my

Penulis merupakan pensyarah kanan dari Program Kaunseling, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Bidang pengkhususan beliau adalah kaunseling keluarga, kanak-kanak dan remaja. Antara kursus yang diajar ialah kaunseling keluarga, keibubapaan dan pendidikan keluarga serta kaunseling perkembangan.

ABSTRACT

The proliferation of technology devices globally poses a possible risk to the quality of parent-child interaction, as well as to children's health and development, through "parental technoference". The term "parental technoference" refers to the disruption of interactions between parents and children due to the parent's use of a technological device. This paper will focus on parental technoference and its effects on parent-child interactions.

Pengenalan

Penggunaan teknologi telah menjadi ciri dominan keibubapaan masakini. Teknologi baharu dan peranti mudah alih, seperti telefon bimbit, telefon pintar, komputer riba dan tablet, telah menjadi peralatan biasa di rumah kebanyakan keluarga di Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi boleh digunakan dalam pelbagai cara yang positif (contohnya komunikasi, masa lapang yang dikongsi, pengurusan kehidupan). Dengan begitu banyak peranti teknologi dalam dan sekitar kehidupan keluarga, kesan negatif akan muncul bahkan lebih daripada penggunaan yang normal.

Kajian di luar negara seperti di Amerika Syarikat mendapati, ibu bapa menghabiskan purata lima jam sehari menggunakan telefon. Kewujudan dan penggunaan teknologi kadangkala membawa kepada gangguan dalam interaksi keibubapaan dan hubungan ibu bapa-anak. Telefon pintar telah mencipta realiti sosial baharu di mana kita sentiasa boleh

dihubungi tidak kira di mana kita berada atau apa yang kita lakukan. Kebanyakan orang menyedari perkara ini dalam konteks pekerjaan dan kehidupan sosial, tetapi tidak ramai yang melihat bagaimana ia memberi kesan dalam hubungan ibu bapa dan anak. Ketika teknologi digital masuk ke dalam kehidupan harian keluarga, hubungan ibu bapa-anak telah berubah secara meluas. Hari ini, hubungan antara ibu bapa dan anak adalah salah satu perhubungan yang berterusan sepanjang masa.

Technoference merujuk kepada gangguan yang disebabkan penggunaan teknologi dalam interaksi dan perhubungan seharian. Ia adalah gabungan perkataan teknologi (*technology*) dan gangguan (*interference*). Istilah ini sering digunakan untuk menerangkan bagaimana kehadiran dan penggunaan peranti digital, seperti telefon pintar, tablet dan komputer, boleh memberi kesan negatif kepada komunikasi bersemuka dan interaksi sosial. Apabila ibu bapa menggunakan skrin di sekeliling anak-anak mereka, ibu bapa kurang berinteraksi, peka dan responsif kepada anak-anak. Selain itu, anak-anak menunjukkan lebih banyak tingkah laku negatif, seperti merengek, marah, dan cemburu.

Penggunaan peranti, terutamanya apabila berlebihan atau tidak dikendalikan dengan betul, berpotensi mengubah tingkah laku ibu bapa dan interaksi ibu bapa-anak. Kajian etnografi, pemerhatian dan di makmal dalam pelbagai konteks dan aktiviti telah menunjukkan bahawa ibu bapa yang menggunakan telefon pintar di sekeliling anak-anak mereka bertindak balas dengan kurang wajar, lebih negatif, dan kurang tepat pada masanya terhadap permintaan anak-anak mereka untuk mendapatkan perhatian, kurang terlibat dalam permainan dan perbualan bersama, serta penglibatan yang kurang berkualiti dan menunjukkan sensitiviti atau kemesraan yang lebih rendah.

Kesan Negatif Penggunaan Peranti dan *Technoference* bagi Ibu Bapa dan Proses Keibubapaan

Interaksi ibu bapa dan anak-anak yang responsif mempunyai peranan penting dalam perkembangan sosial, emosi dan kognitif anak. Walau bagaimanapun, *technoference* boleh memberi kesan negatif kepada interaksi ini. Antara kesan negatif *technoference* dalam interaksi ibu bapa – anak adalah:

1. **Kurang masa yang berkualiti.** Apabila ibu bapa sering terganggu oleh peranti mereka, kualiti masa yang dihabiskan bersama anak-anak mereka berkurangan. Ini boleh menyebabkan anak-anak berasa diabaikan atau kurang dihargai.
2. **Mengurangkan hubungan emosi.** Gangguan berterusan daripada teknologi boleh menghalang ikatan emosi. Anak-anak mungkin merasakan bahawa ibu bapa mereka lebih berminat dengan peranti daripada berinteraksi dengan mereka.

3. **Peningkatan isu tingkah laku.** Kajian telah menunjukkan bahawa anak-anak berkecenderungan menunjukkan lebih banyak masalah tingkah laku, seperti *tantrum* atau keagresifan, apabila mereka merasakan bahawa ibu bapa mereka tidak memberi perhatian sebaiknya.
4. **Tingkah laku pemodelan.** Anak-anak sering mencontohi tingkah laku ibu bapa mereka. Jika mereka melihat ibu bapa sentiasa menggunakan peranti, mereka berkecenderungan mengamalkan tabiat yang sama, yang membawa kepada ketagihan teknologi mereka sendiri dan mengurangkan kemahiran komunikasi bersemuka.
5. **Gangguan komunikasi.** Komunikasi yang berkesan memerlukan pendengaran dan penglibatan yang aktif. *Technoference* boleh mengganggu perbualan, membawa kepada salah faham dan melemahkan kemahiran komunikasi dalam kalangan anak-anak.
6. **Kesan kepada perkembangan anak.** Bagi kanak-kanak, interaksi yang konsisten dan bermakna dengan ibu bapa adalah penting untuk perkembangan kognitif dan emosi. *Technoference* boleh mengganggu proses perkembangan ini.

Penutup

Untuk mengurangkan kesan ini, ibu bapa perlu mengekalkan komunikasi yang terbuka, jujur dan konsisten dengan anak-anak semasa proses perkembangan dan pembesaran mereka. Ini boleh membantu membina daya tahan, memupuk kepercayaan dan mengukuhkan hubungan ibu bapa-anak. Dengan mengambil berat tentang teknologi dan melaksanakan strategi untuk meminimumkan kesannya, ibu bapa boleh memupuk hubungan yang lebih kukuh dan bermakna dengan anak-anak.

Bibliografi

- Chamam, S., Forcella, A., Musio, N., Quinodoz, F., & Dimitrova, N. (2024). Effects of digital and non-digital parental distraction on parent-child interaction and communication. *Frontiers in Child and Adolescent Psychiatry*, 3, 1330331.
- Mackay, L. J., Komanchuk, J., Hayden, K. A., & Letourneau, N. (2022). Impacts of parental technoference on parent-child relationships and child health and developmental outcomes: a scoping review protocol. *Systematic reviews*, 11(1), 45.
- McDaniel, B. T., & Bruess, C. J. (2013). "Technoference": Everyday intrusions and interruptions of technology in couple and family relationships. *Family communication in the age of digital and social media*.

McDaniel, B. T., Linder, L., Vanden Abeele, M. M., Ventura, A. K., Coyne, S. M., & Barr, R. (2024). Technoference in parenting and impacts on parent–child relationships and child development. In *Handbook of children and screens: Digital media, development, and well-being from birth through adolescence* (pp. 411-417). Cham: Springer Nature Switzerland.

COMMON CHALLENGES IN CRISIS COMMUNICATION: LESSONS IN PREPAREDNESS AND RESPONSE

By:



Dr. Eizan Azira Binti Mat Sharif

eizansharif@usim.edu.my

The writer is a lecturer in the New Media Communications programme in the Faculty of Leadership and Management at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Her research interests include communication technology, gamification, advertising, social media, media studies, and neuroscience.

ABSTRACT

Crisis communication faces multiple challenges: information overload, data scarcity, outdated contact systems, unpredictable scenarios, and lack of message visibility. This article examines these common issues and emphasizes the importance of preparedness, multi-channel communication, real-time tracking, and proactive planning. By addressing these areas, organizations can enhance their crisis response and protect stakeholder trust during critical moments.

Introduction

Crisis communication is at the heart of effective crisis management, bridging chaos and control. However, developing a comprehensive crisis communication plan remains one of the most daunting tasks for any public relations (PR) or communications team. This complexity stems from the unpredictable nature of crises, ranging from reputational threats to physical safety concerns, and the impossibility of planning precise communication strategies before knowing the full scope of an incident.

In the face of such high stakes, some organizations have historically chosen avoidance, going silent internally and externally. This “ostrich” approach, evident in cases like BP’s Deepwater Horizon spill, the Virginia Tech shooting, and the Dreamworld tragedy, has repeatedly shown how damaging last-minute or reactive communication can be. The consistent lesson is that preparation is not optional. It is essential.

Crisis communication is fraught with challenges, especially when organizations face either too much or too little information. In some instances, crises unleash a torrent of data from multiple sources—internal updates, media inquiries, public responses, and social media buzz—leading to information overload. Without a structured system to filter, verify, and manage this flood of input, decision-making becomes paralyzed, increasing the risk of miscommunication or delays. Conversely, other crises are marked by a lack of timely or relevant information, often due to overreliance on a single communication channel like email. To counteract these extremes, organizations must invest in centralized communication platforms and adopt multi-channel messaging tools to ensure efficient information flows to all stakeholders. Real-time communication is essential to maintain situational awareness and coordinate effective responses.

Other equally pressing challenges include the absence of accessible contact data, the unpredictable nature of crises, and the lack of visibility into communication effectiveness. Many organizations still struggle to maintain up-to-date contact lists for key stakeholders, which can critically delay outreach during emergencies. Digital contact management systems with dynamic segmentation can greatly enhance the speed and accuracy. Similarly, while the specifics of a crisis cannot always be predicted, organizations can prepare “holding statements” tailored to potential scenarios, reducing pressure during real-time crisis response. Knowing whether a message has been received and acted upon is vital. Communication tools with tracking capabilities provide this visibility, enabling immediate follow-up with those who have not responded. Together, these solutions form the backbone of a robust crisis communication strategy, turning chaos into coordinated action

The Importance of Preparedness and Planning – Surah Yusuf (12:47):

“He said, ‘You will sow for seven consecutive years, and what you reap, leave in its spikes—except a few from which you will eat.’”

This verse reflects Prophet Yusuf’s wise counsel to the people of Egypt, emphasizing strategic foresight and preparation. By advising them to store surplus grain during years of abundance, he demonstrated the importance of planning ahead to endure periods of hardship. It serves as a powerful reminder that preparedness during times of stability is essential for resilience in times of crisis.

Closing

The challenges of crisis communication—information overload, data scarcity, disorganized contacts, unpredictable scenarios, and lack of message visibility—are common but not insurmountable. At their core, these issues highlight a single truth: preparedness is power. A well-prepared crisis communications team:

- Plans for likely scenarios,
- Implements real-time tools and dashboards,
- Maintains a clean and accessible contact database,
- Designs message templates for various situations, and
- Tracks communication effectiveness with modern software.

By embracing a proactive rather than a reactive approach, organizations can better protect their reputation, stakeholder trust, and operational continuity when the unexpected occurs. Ultimately, crisis communication is not just about broadcasting information but about clarity, control, coordination, and compassion under pressure. Those who prepare wisely today will weather tomorrow's storm far more effectively.

BIBLIOGRAPHY

Al-Quran.

Bahrain, Nurul & Siti Najah Raihan, Sakrani & Maidin, Anisafina. (2023). Communication Barriers in Work Environment: Understanding Impact and Challenges. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 13. 10.6007/IJARBSS/v13-i11/19498.

Gasana, Kelly. (2024). Crisis Communication and Reputation Management in the Age of Fake News. *Journal of Public Relations*. 3. 28-39. 10.47941/jpr. 1773.

Ready Gov (Last Updated: 09/07/2023) Crisis Communication plans. Retrieved from <https://www.ready.gov/business/emergency-plans/crisis-communications-plans>

Zakaria, M. H. F., Yusnaldi, N., & Abed. Latiff, Z. (2021). Crisis communication strategies during the Code Red phase of the aviation industry and media framing discrepancies: Case of Malaysia Airlines twin tragedy. *Journal of Media and Information Warfare*, 14(2), 105–121.

CONNECTED BUT MISUNDERSTOOD: THE COMMUNICATION CRISIS IN THE DIGITAL AGE

By:



Dr. Norsimaa Mustaffa, Dr. Kartini Kamaruzzaman, Dr. Safiyyah Ahmad Sabri &
Assoc. Prof. Dr. Khairunneezam Mohd Noor
norsimaamustaffa@usim.edu.my

The first author is a lecturer in the New Media Communications Programme at the Faculty of Leadership and Management at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). She completed her PhD at Sultan Idris Education University (UPSI). Her research interests primarily focus on multimedia design, digital cultural heritage, visual communication, new media, and areas that intersect and influence the preservation and presentation of cultural heritage. She also investigates the role of visual communication within digital and multimedia platforms.

ABSTRACT

Digital communication has revolutionised interaction but also sparked a crisis in meaningful connection. Despite enhanced accessibility, overreliance on virtual platforms fosters miscommunication, emotional detachment, and information overload. This article explores the causes and consequences of this crisis and highlights ethical and spiritual approaches to restoring authentic, purposeful communication in the digital age.

Introduction

Digital technology has transformed communication, shifting from traditional to digital forms. While enhancing convenience and global connectivity, it has also created a crisis in meaningful interaction. Platforms like WhatsApp, Twitter, TikTok, and Zoom enable real-time exchanges, yet message overload and brief, filtered communication often cause

miscommunication and emotional disconnect. This article examines the causes and effects of this digital communication crisis and explores strategies to restore authentic, empathetic engagement.

Navigating Digital Disconnection: The Burden of Always Being Online

One of the central paradoxes of digital communication is the illusion of connection. With the tap of a screen, individuals can reach hundreds or thousands of contacts, yet many report feelings of loneliness and emotional isolation. This is because digital platforms often prioritise visibility over vulnerability. Superficial interactions like emojis or short replies frequently replace deeper conversations. The nature of digital interaction tends to reward brevity and image over substance. Social media platforms are designed to promote visually engaging and emotionally stimulating content, often leading to performative communication rather than authentic self-expression. This shallow engagement limits the depth of human connection and contributes to social fatigue and burnout.

Digital platforms increasingly rely on algorithms to personalise user experiences. While this enhances user engagement by showing content aligned with personal preferences, it can also create echo chambers that reinforce existing beliefs and limit exposure to diverse viewpoints. This fragmentation reduces the opportunity for open dialogue and mutual understanding. When people primarily engage with those with similar ideologies or interests, public discourse becomes polarised, and opportunities for consensus and empathy diminish. The resulting communication crisis is interpersonal and societal, undermining the democratic exchange of ideas and mutual respect.

Digital communication is constant. The pressure to respond to emails, messages, and notifications throughout the day can lead to digital fatigue and a decline in mental well-being. Professionals and students report difficulty maintaining focus, emotional balance, and boundaries. The sheer volume of information shared across platforms contributes to communication overload, where important messages are lost in a sea of digital noise. Furthermore, the emphasis on speed over reflection encourages hasty replies and superficial analysis, undermining the quality of dialogue and decision-making.

Digital Miscommunication and the Ethical-Spiritual Response

A key challenge in digital communication is the lack of contextual and emotional cues. Unlike in-person conversation, digital messages are often stripped of tone, facial expressions, and body language elements crucial to human understanding. As a result, sarcasm, jokes, and emotional nuance are easily misunderstood. Moreover, the spread of misinformation has become a critical issue. The rapid dissemination of unverified or misleading content on social media can have real-world consequences, including reputational damage, political

polarisation, and public health risks. In environments where everyone can be both a publisher and a consumer of information, the absence of gatekeeping contributes to a climate of confusion and distrust.

Ethical and spiritual perspectives offer important guidance in addressing the digital communication crisis. From an Islamic standpoint, communication is a functional exchange and a moral act. The Qur'an encourages believers to "speak good words to people" (Qur'an 2:83) and to avoid mockery, backbiting, and slander (Qur'an 49:11-12). These principles are deeply relevant to digital spaces, where anonymity and detachment often erode accountability. Islamic teachings emphasise moderation, intentionality, and respect in all forms of interaction. Prophet Muhammad (peace be upon him) advocated for thoughtful speech, advising, "Let whoever believes in Allah and the Last Day speak good or remain silent." These values encourage digital media users to engage constructively, verify information before sharing it, and avoid contributing to digital harm.

Closing

Digital technology has transformed communication, enabling fast, global interaction and content creation. However, it has also led to a crisis marked by the loss of meaning, empathy, and understanding. Addressing this requires intentional, values-based communication through media literacy, respectful dialogue, and healthy boundaries. For Muslims and others seeking spiritually grounded engagement, digital spaces must be navigated with integrity, compassion, and self-awareness to restore the depth of human connection.

BIBLIOGRAPHY

- Chang, C.-W., & Chang, S.-H. (2023). The Impact of Digital Disruption: Influences of Digital Media and Social Networks on Forming Digital Natives' Attitude. *Sage Open*, 13(3). <https://doi.org/10.1177/21582440231191741>
- Hutmacher, F., & Appel, M. (2023). The Psychology of Personalization in Digital Environments: From Motivation to Well-Being – A Theoretical Integration. *Review of General Psychology*, 27(1), 26–40. <https://doi.org/10.1177/10892680221105663>
- Jo, H., & Ahn, H.Y. (2024). Understanding digital engagement: factors influencing awareness and satisfaction of digital transformation. *Discover Computing*, 27(23). <https://doi.org/10.1007/s10791-024-09455-4>
- Nguyen, M. H., Gruber, J., Marler, W., Hunsaker, A., Fuchs, J., & Hargittai, E. (2022). Staying connected while physically apart: Digital communication when face-to-face interactions are limited. *New Media & Society*, 24(9), 2046–2067. <https://doi.org/10.1177/1461444820985442>

Wuersch, L., Neher, A., Maley, J. F., & Peter, M. K. (2024). Using a Digital Internal Communication Strategy for Digital Capability Development. *International Journal of Strategic Communication*, 18(3), 167–188.
<https://doi.org/10.1080/1553118X.2024.2330405>

BRIDGING THE DIGITAL COMMUNICATION GAP: NAVIGATING AI IN EDUCATION AND THE SECOND DIGITAL DIVIDE

By:



Professor Dr. Rozhan Mohammed Idrus

rozhan@usim.edu.my

The author is a retired Professor from the Faculty of Science and Technology, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), and currently serves as an Honorary Professor at the School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia (USM). He holds a PhD in Solid State Physics from the University of Salford, United Kingdom, and is recognised for his contributions to Open and Distance Learning (ODL), e-Learning, and educational technology. In 2005, during his keynote address at Sakarya University, Turkey, he introduced the concept of "technogogy" to the field of education.

ABSTRACT

This contribution critically analyses the escalating communication crisis in the digital age, focusing on integrating Artificial Intelligence (AI) in education. It explores how the second digital divide—centred on digital literacy rather than access—exacerbates existing inequalities. The discussion addresses the risks of algorithmic bias, ethical concerns, and the diminishing role of human interaction in learning.

Introduction

The digital age, once celebrated for democratising access to information, now faces a profound communication crisis. While technological advancements—particularly in Artificial Intelligence (AI)—have revolutionised education, they have also raised pressing concerns about equity, comprehension, and human connection. The rapid deployment of AI tools in classrooms and online learning platforms is altering the nature of teacher-student interactions

and reshaping the dynamics of education. However, not all users can navigate or critically assess these tools. This evolving landscape demands scrutiny, especially in light of the second digital divide, which highlights disparities in digital literacy rather than mere access. As AI becomes increasingly entrenched in pedagogical strategies, assessing its implications for communication in education is crucial.

AI in Education and the New Communication Paradigm

AI technologies—from chatbots and automated grading systems to personalised learning algorithms—are reshaping educational communication. These tools are designed to increase efficiency, provide instant feedback, and tailor content to individual learners. However, their growing presence also shifts communication from human-centred dialogue to machine-mediated interactions.

This shift has profound implications. First, it changes the pedagogical relationship. Traditional teacher-student exchanges, which rely on nuance, empathy, and adaptability, are being replaced or supplemented by AI-driven platforms that interpret student inputs through algorithms. While such systems can analyse performance patterns and offer timely feedback, they often fail to understand the emotional or cultural context of a student's response, potentially leading to miscommunication or alienation.

The Qur'an repeatedly emphasises the importance of justice and equality in the dissemination of knowledge: "Are those who know equal to those who do not know?" (Qur'an 39:9). This rhetorical question underscores the value placed on access to knowledge, regardless of status or geography. When educational systems fail to bridge the second digital divide, they contradict the Islamic principle of educational equity.

Second, the language used by AI can create barriers. While grammatically correct, AI-generated content may lack clarity, contextual relevance, or sensitivity to diverse learning needs. Moreover, over-reliance on AI for communication can weaken students' critical thinking and interpersonal communication skills, as they become accustomed to receiving information passively rather than engaging in active dialogue.

From an Islamic viewpoint, the Qur'an promotes the pursuit of knowledge with wisdom and empathy: "Invite to the way of your Lord with wisdom and good instruction, and argue with them in a way that is best" (Qur'an 16:125). This verse emphasises the need for compassion and understanding in teaching—qualities that AI, in its current state, often cannot emulate.

Finally, the ethical dimensions of AI in educational communication are concerning. Algorithms may replicate biases embedded in their training data, leading to unfair treatment of specific student groups. Additionally, students may be unaware they are interacting with machines, undermining the transparency and trust essential to the educational process.

The Second Digital Divide and Inequalities in Digital Literacy

The first digital divide concerned access to technology, whether individuals had internet connectivity or digital devices. However, as access has improved globally, a more insidious gap has emerged: the second digital divide, which refers to disparities in the ability to use, interpret, and critically engage with digital technologies.

This divide significantly affects how different student populations interact with AI in education. While some students, typically from affluent or digitally literate backgrounds, can critically assess AI tools' outputs, others may accept machine-generated feedback at face value. This discrepancy reinforces educational inequalities, as the latter group may be less able to recognise flawed or biased recommendations.

Furthermore, teachers themselves are not immune to this divide. Many educators, especially in under-resourced schools, lack adequate training in AI integration. As a result, they may either underutilise these tools or use them uncritically, undermining their pedagogical potential. Institutions that adopt AI without comprehensive training risk deepening the communication crisis by replacing human judgement with poorly understood algorithms.

The second digital divide also intersects with linguistic and cultural factors. AI systems often prioritise English and are developed within Western frameworks, which may marginalise non-Western students or misinterpret culturally nuanced expressions. This can hinder meaningful participation and communication, further entrenching educational disparities.

Moreover, students with disabilities face unique challenges. While AI has the potential to offer personalised support, such as speech-to-text applications, many tools are not designed with inclusivity in mind. This technological oversight contributes to their exclusion and perpetuates the communication gap.

Closing

The communication crisis in the digital world, particularly within AI-integrated education, is a complex challenge shaped by the second digital divide. While AI holds promise for enhancing educational outcomes, it also risks reducing the quality and inclusivity of communication. By relying heavily on machine-mediated interactions, education may lose essential human elements such as empathy, understanding, and critical thought.

To address this, stakeholders must prioritise digital literacy among students, educators, and policymakers. AI tools should be transparent, inclusive, and adaptable to diverse contexts. The goal should not be to replace human communication with digital interfaces, but to use technology to enhance meaningful interaction, critical thinking, and equitable participation. Only then can we harness the full potential of AI in education while preserving the core human aspects of learning and communication.

Ultimately, closing the second digital divide is not simply about teaching people how to use tools but cultivating the critical faculties needed to question, interpret, and communicate effectively in a digitally mediated world.

BIBLIOGRAPHY

Eubanks, V. (2018). *Automating Inequality: How High-Tech Tools Profile, Police, and Punish the Poor*. New York: Picador, St. Martin's Press.

OECD. (2021). *AI and the Future of Skills: Challenges for Education Systems*. Organisation for Economic Co-operation and Development. <https://www.oecd.org/education/ai-and-the-future-of-skills.htm>

Selwyn, N. (2019). *Should Robots Replace Teachers? AI and the Future of Education*. Cambridge: Polity Press.

Van Dijk, J. (2020). *The Digital Divide*. Cambridge: Polity.

Warschauer, M. (2003). *Technology and Social Inclusion: Rethinking the Digital Divide*. Cambridge, MA: MIT Press.

IS HONESTY DEAD ONLINE? THE ETHICS CRISIS IN DIGITAL DISCOURSE AMID THE 2023 GAZA WAR

By:



Dr Ihab Awais

ihab@usim.edu.my

